

KMI Healthcare lancar hospital pakar ke-5 di Tawau

Pembinaan bangunan 5 tingkat baharu dengan tambahan 52 katil dan peningkatan kemudahan berjumlah RM10 juta

TAWAU: Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI), bahagian penjagaan kesihatan TDM Berhad (TDM) melancarkan KMI Tawau Medical Centre (KMI Tawau), hospital swasta yang baru diperolehnya di Tawau, Sabah. Pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dr. Aliakbar Gulasan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah merangkap Pengerusi KMI Tawau dan diiringi Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM, Dr. Rayney Azmi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif, KMI Healthcare serta En Zainulalim Samsudin, Pengurus Besar KMI Tawau pada 7 Julai.

Pengambilalihan Tawau Specialist Hospital telah selesai sepenuhnya pada Mei 2022, dan telah dijenamakan semula kepada KMI Tawau Medical Centre. Susulan pengambilalihan itu, pembangunan sebuah lagi bangunan 6 tingkat akan meningkatkan kapasiti kepada 59 katil, yang dijangka siap menjelang suku ke-empat 2024. Sebelum perolehan, KMI

telah menguruskan operasi hospital itu bermula Januari 2018.

Dalam ucapan perasmianya, YB Dr. Aliakbar berkata, “Dengan rangkaian lima hospital di bawah jenama KMI Healthcare, ia sudah tentu memberi nilai tambah dalam menyediakan perkhidmatan yang sistematik dan meniru kejayaan yang dicapai oleh hospital lain di bawah KMI sebagai pemangkin dalam membentuk pengurusan terbaik untuk hospital KMI Tawau.”

Tambah beliau “Perkhidmatan Pesakit Antarabangsa (International Patient Service) akan menjadi agenda seterusnya bagi KMI Tawau sebaik sahaja bangunan baharu siap. Idea kreatif dan inovatif serta keberanian mencuba sesuatu yang baharu telah memberi pilihan kepada pelanggan untuk menikmati perkhidmatan kesihatan terbaik yang mereka inginkan. Pembaharuan ini juga penting untuk memastikan daya saing negara terutamanya dalam usaha kita

mempromosikan industri pelancongan kesihatan atau Health Tourism.”

Antara disiplin dan kemudahan perubatan yang ditawarkan ialah Perubatan Am, Pembedahan Am, Obstetrik & Ginekologi, Ortopedik, Pediatrik, Anestesia, Otorinolaringologi, Radiologi, Perkhidmatan Kecemasan 24 jam, Makmal, Farmasi, Pengimejan Diagnostik: Imbasan CT, Mamogram Digital, Pemeriksaan Ultrasound dan X-ray am.

“Usaha menaik taraf kemudahan di KMI Tawau bagi meningkatkan kepuasan dalam pengalaman pesakit sedang dijalankan, ini adalah termasuk migrasi sistem maklumat



Pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dr Aliakbar Gulasan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah yang juga Pengerusi KMI Tawau, diiringi oleh Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM, Dr Rayney Azmi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif, KMI Healthcare dan Encik Zainulalim Samsudin, Pengurus Besar KMI Tawau.

hospital (HIS), pembelian beberapa peralatan perubatan termasuk MRI, CT-scan serta C-arm dan Autoklaf yang akan digunakan untuk pembedahan dengan kosnya yang berjumlah RM10 juta.” kata Pengurus

Besar KMI Tawau, Zainulalim Samsudin pada majlis tersebut.

Turut hadir di majlis pelancaran ini, agensi kerajaan, pelanggan korporat sekitar Tawau serta pengurusan kanan TDM dan KMI Healthcare. -

KKM, IMU lancar *SeDia cohort study* kaji faktor diabetes dan komplikasinya

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) dan International Medical University (IMU) melancarkan “SeDia Cohort Study”, kajian kohort berskala besar mengenai diabetes untuk mengkaji kesemua faktor terlibat dalam penyakit kencing manis serta komplikasi dialami pesakit.

Kajian yang pertama seumpamanya itu dilancarkan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir di Seremban, Negeri Sembilan serta turut dihadiri Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa dan Naib Canselor merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IMU Prof Dr Abdul Aziz Baba, baru-baru ini.

KKM dan IMU dalam kenyataan bersama hari ini memaklumkan memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak bagi penubuh-

han Kajian Kohort Diabetes itu ditandatangani pada 17 Mei 2022 manakala protokol kajian telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) KKM pada 17 Mac lepas.

“Kajian SeDia Cohort akan mengkaji secara komprehensif semua faktor berkaitan, daripada genetik dan sejarah diabetes dalam keluarga kepada faktor gaya hidup dan persekitaran, pemakanan, aktiviti fizikal, sosioekonomi dan penyampaian kesihatan.

“Dengan memahami interaksi kompleks pelbagai faktor ini, diharap akan menemukan kaedah terbaik mencegah dan memulihkan pesakit diabetes dan daripada situ dapat membangunkan dasar dan program kesihatan bagi menangani beban penyakit ini yang berasaskan bukti saintifik dan relevan dengan masyarakat tempatan,”

menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menjelaskan hal itu bagi menjamin keberkesanan program perawatan dan pencegahan yang dibangunkan untuk mengekang aliran peningkatan beban diabetes di Malaysia.

“Kadar penyakit diabetes di Malaysia adalah yang tertinggi di rantau Asia Pasifik dan antara yang tertinggi di dunia ... menjelang 2025, diunjurkan sebanyak tujuh juta rakyat dewasa Malaysia menghidap diabetes yang membebankan sistem kesihatan negara, kos merawat pesakit diabetes tidak termasuk kos merawat komplikasinya dianggarkan kira-kira RM3 bilion setahun,” jelas kenyataan itu.

Negeri Sembilan mencatat kadar prevalens diabetes dalam kalangan orang dewasa (lebih 18 tahun) tertinggi di Malaysia dengan 33.2 peratus, sehubungan itu, Klinik

Kesihatan Seremban Jalan Rasah dipilih sebagai Pusat Pengambilan peserta kajian manakala Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (IRDI) IMU bertindak sebagai Pusat Koordinasi kajian dan fasiliti penyimpanan spesimen biologi kajian.

Kajian 12 tahun itu merupakan langkah pertama yang penting bagi mengumpul data yang relevan dengan sosiobudaya masyarakat tempatan dan tempoh masa yang lama diperlukan kerana kejadian diabetes dan komplikasinya juga mengambil masa lama.

Menurut kenyataan itu, lebih 5,000 pesakit diabetes yang berdaftar dengan Daftar Diabetes Klinik Kesihatan Seremban dan lebih 7,000 ahli keluarga mereka terlibat bagi mengkaji interaksi kompleks pelbagai faktor yang mempengaruhi kejadian diabetes dan

komplikasinya.

“Penyertaan mereka adalah secara sukarela. Dengan menggunakan sistem dan pangkalan data digital, maklumat peribadi dan perubatan melalui soal selidik yang komprehensif akan dimasukkan, termasuk data sosiodemografik, antropometrik, sejarah perubatan, pemakanan, aktiviti fizikal, ujian makmal seperti profil hematologi, profil gula dalam darah, ujian fungsi ginjal, dan fungsi hati, maklumat sosioekonomi serta kesihatan psikososial.

“Sampel darah juga akan diambil untuk penjujukan genetik bagi mengkaji kecenderungan individu menghidap diabetes dan bagi pesakit diabetes, kecenderungan mengalami komplikasi dan tindak balas terhadap ubat-ubatan dan intervensi fizikal dan pemakanan,” menurut kenyataan itu. - BNM